

18/11/1998

Jepun jamin salur RM6.84b

KUALA LUMPUR: Jepun akan memenuhi komitmennya untuk memberi bantuan sebanyak AS\$1.8 bilion (RM6.84 bilion) kepada Malaysia.

Jaminan itu diberikan oleh Perdana Menteri Jepun, Keizo Obuchi kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam perbincangan dua hala mereka di sini semalam.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menjelaskan kedua-dua pemimpin itu membincangkan mengenai bantuan kewangan Jepun kepada Malaysia. Ketika melawat Jepun sebelum ini, Dr Mahathir dan Obuchi mengadakan perbincangan mengenai bantuan berkenaan.

Menurut Abdullah, Perdana Menteri Jepun menjelaskan negaranya akan memberi apa juga komitmen yang sudah dipersetujui.

"Jepun bersedia menawarkan bantuan tambahan berasaskan hubungan dua hala. Bantuan itu berasingan daripada bantuan Inisiatif Miyazawa iaitu sebanyak AS\$30 bilion yang dicadangkan sebelum ini.

"Jepun bercadang untuk memberi bantuan kewangan tetapi ada sesetengah prosedur yang perlu diselesaikan terlebih dahulu," katanya kepada pemberita selepas pertemuan itu.

Abdullah berkata, Dr Mahathir yang menyatakan penghargaan ke atas kesedian Jepun itu turut meminta negara berkenaan mempercepatkan bantuan berkenaan.

Dr Mahathir turut mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Vietnam, Phan Van Khai; Presiden Chile, Eduardo Frei Ruiz Tagle; Perdana Menteri New Zealand, Jenny Shipley dan Presiden Indonesia, B J Habibie.

Menurut Abdullah, perbincangan antara Perdana Menteri dengan rakan sejawatannya daripada lima negara berkenaan berkisar kepada krisis kewangan.

(END)